

25 FEB 2002

Mahathir-Pelajar/I

DR MAHATHIR INGATKAN PELAJAR TIDAK ABAI PELAJARAN

Oleh: Zaharah Othman

LONDON, 25 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Ahad mengeluarkan amaran keras terhadap pelajar yang mengabaikan pelajaran mereka kerana mahu terlibat dalam politik.

"Jika anda berada dalam universiti dan anda rasa ia memberikan anda kedudukan untuk mempengaruhi orang kampung, saya rasa anda hanya membazirkan wang rakyat. Pilihannya ialah tinggalkan universiti dan sertai politik secara sepenuh masa atau terus berada dalam universiti dan belajar. Sebab itulah kita ada Akta Universiti dan Kolej Universiti," kata beliau.

Perdana menteri, yang berucap kepada lebih 600 pelajar Malaysia di Imperial College, berkata para pelajar boleh melibatkan diri dalam perbincangan intelektual dan perbincangan mengenai pembangunan di negara serta politik juga.

Isu itu dibangkitkan apabila seorang pelajar, semasa sesi soal dan jawab, bertanya kepada perdana menteri mengenai Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Dr Mahathir sebelum itu memberitahu para hadirin bahawa masa depan mereka terletak di tangan mereka sendiri.

"Setiap orang daripada kita mempunyai cara, keupayaan, kuasa untuk menyumbang kepada pembangunan negara, ke arah kemerdekaan yang berterusan, ke arah peningkatan peranan negara dalam hal ehwal antarabangsa, yang dengan itu Malaysia boleh menjadi sebuah negara hebat pada masa akan datang di mana rakyatnya pasti dihormati oleh penduduk dunia.

"Itulah matlamat kita. Kita telah dapat mencapai sedikit daripadanya tetapi banyak lagi masih bergantung kepada generasi masa depan," katanya.

Perdana menteri, dalam rangka lawatan lima hari ke London selepas melawat Antartika dan Argentina, bercakap hampir sejam kepada para pelajar itu yang kebanyakannya mengikuti kursus kejuruteraan.

Dr Mahathir yang kelihatan sangat ceria turut mencuit hati para hadirin dengan jawapan dan komennya yang lucu.

Dr Mahathir diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London Datuk Haji Salim Hashim ke Dewan Besar kolej itu, di mana beliau diberi sambutan meriah.

Beliau juga melayan semua soalan yang dibangkitkan pelajar kolej itu, yang terdiri daripada masalah penghijarah cendekiawan hingga ke definisi kewarganegaraan.

Menjawab soalan mengenai Akujanji oleh kakitangan kerajaan dan pelajar universiti awam, Dr Mahathir berkata, "Kami mahukan perkhidmatan kerajaan yang benar-benar profesional. Akujanji itu akan memastikan mereka bertanggungjawab dan perlu menghasilkan jumlah kerja yang sewajarnya mengikut apa yang dibayar kepada mereka."

Perdana menteri juga menyatakan rasa bimbangannya bahawa penduduk dunia nampaknya tidak menghormati kemerdekaan lagi.

Beliau juga bercakap mengenai perkampungan global yang setiap orang mempunyai hak untuk campur tangan dalam hal ehwal orang lain.

"Mereka berminat dengan setiap perkara yang kita lakukan dan mereka tidak akan benarkan kita melakukan apa yang kita suka, walaupun jika kita dapat menunjukkan bahawa cara kita adalah lebih baik daripada mereka. Dalam erti kata lain, orang tidak menghormati kemerdekaan lagi," kata beliau.

Beliau berkata ini berlaku kerana negara-negara tidak lagi hidup secara berasingan.

"Sama ada kita suka atau tidak, kita adalah sebahagian daripada dunia

ini."

Dr Mahathir berkata hak sesetengah orang untuk campur tangan dalam hal ehwal negara lain bermaksud jika negara-negara tidak mematuhi negara-negara yang dianggap betul, mereka akan menggunakan tekanan seperti mengenakan sekatan dan membuat ugutan tidak mahu melabur atau membeli produk mereka.

Dr Mahathir berkata negara-negara yang terpaksa meminjam untuk mengatasi krisis kewangan mereka, telah hilang kemerdekaan mereka.

"Atas sebab inilah penting bagi kita untuk mengekalkan kemerdekaan kita," kata beliau.

Perdana Menteri dijadualkan mengunjungi Perdana Menteri Britain Tony Blair pada Isnin sebelum melawat Parlimen negara itu.

-- BERNAMA

ZO AHH JK NAK